

24 FEB 2003

NAM-Reaksi (Mahathir)/I

UCAPAN DR MAHATHIR DITERIMA BAIK OLEH PARA PEMIMPIN NAM

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Para pemimpin yang menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan 116 anggota Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini, memuji ucapan sulung Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pengerusi baru pergerakan berusia 47 tahun itu, dengan berkata ia mengandungi semua ramuan yang boleh menjadikan dunia satu tempat yang baik untuk semua.

Mereka menyifatkan ucapan Dr Mahathir selama satu jam itu sebagai amat menyeluruh, meliputi semua aspek isu semasa dan masalah yang melanda negara-negara NAM yang merupakan dua pertiga daripada negara-negara di dunia.

Bercakap kepada BERNAMA semasa waktu rehat majlis perasmian itu, Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo berkata semua orang sepatutnya memberi perhatian kepada mesej yang disampaikan Dr Mahathir kerana ia mengajak semua untuk berfikir.

"Perdana Menteri anda adalah seorang yang sangat bijak. Jadi kita semua patut mendengar pandangannya," katanya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), tempat sidang kemuncak itu berlangsung hari ini.

Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili berkata Dr Mahathir telah menyentuh mengenai kepentingan NAM dalam usaha menyelesaikan masalah dan isu yang menimbulkan ketidakpuasan di kalangan negara membangun.

Ini katanya termasuk ketidaksamaan yang semakin membesar antara yang miskin dan yang kaya, antara negara maju dan negara membangun.

"Beliau sangat pandai bercakap dan malahan begitu sempurna (dalam pandangannya)," katanya.

Menteri Luar Iraq Dr Naji Sabri berkata ucapan Dr Mahathir mencerminkan aspirasi dan cabaran mendatang yang dihadapi pergerakan itu dalam usaha untuk memastikan kewujudan sebuah dunia yang lebih baik dan aman bagi semua manusia.

"Cemerlang...lebih daripada terbaik. Kami amat menghargai mesej yang disampaikan Perdana Menteri. Kami fikir ia satu ucapan yang sangat baik," katanya.

Mengenai gesaan Dr Mahathir supaya peperangan diharamkan, Dr Naji yang negaranya sedang menghadapi ancaman serangan oleh Amerika Syarikat, berkata peperangan adalah musuh kepada semua orang dan ucapan Dr Mahathir membuktikan bahawa keamanan patut menjadi slogan dan hasrat semua orang.

Dr Naji berkata Dr Mahathir turut menarik perhatian pemimpin NAM terhadap kepentingan penyuburan semula pergerakan itu sebagai satu suara utama dunia membangun dan perlunya bagi kerjasama Selatan-Selatan.

"Ucapan Dr Mahathir membuktikan semangat sebenar pergerakan NAM. Beliau meletakkan asas tentang bagaimana untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan," kata Dr Naji, yang mengemudi usaha Baghdad untuk menghantar satu mesej keras anti-peperangan kepada Amerika Syarikat dan sekutunya.

Menteri Luar Afghanistan Dr Abdullah Abdullah berkata ucapan Dr Mahathir amat komprehensif dan mengandungi semua ramuan mengenai peranan NAM dalam sebuah dunia yang penuh dengan ketidakpastian.

Dr Abdullah berkata sambil Dr Mahathir menyuarakan pandangannya bahawa Iraq patut mematuhi sepenuhnya resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tetapi dalam masa yang sama menekankan bahawa penyelesaiannya haruslah melalui kaedah damai kerana peperangan hanya akan membawa akibat yang membinasakan.

"Perkara ini juga pastinya telah dinyatakan dengan baik dalam ucapan

itu...Secara keseluruhannya (Dr Mahathir menekankan kepada perlunya) bagi penerusan penyuburan semula NAM...(dan) mengapa ia perlu dilakukan...itulah mesej utamanya," katanya.

Menteri Luar dan Perdagangan Asing Jamaica K.D. Knight berkata Dr Mahathir telah menyatakan dengan jelas hasrat dunia membangun bagi kewujudan keamanan dan pentingnya negara membangun bekerjasama dalam membasmi kemiskinan.

Beliau berkata Dr Mahathir telah menegaskan akan perlunya bagi satu pendekatan pelbagai hala dalam menangani masalah dunia.

"Satu ucapan yang berkesan...bahawa peperangan bukannya penyelesaian. Beliau juga begitu jelas dalam memperkatakan mengenai perlunya bagi NAM disuburkan semula untuk merealisasikan potensinya," katanya.

Menteri Luar Bangladesh M. Morshed Khan berkata Dr Mahathir sangat bijak bercakap dan begitu fokus dalam pandangannya, yang meliputi semua agenda dan isu negara-negara NAM dan dunia.

Beliau berkata negara-negara NAM patut mengikut pandangan Dr Mahathir mengenai kepentingan kerjasama ekonomi, kerjasama Selatan-Selatan dan bantahan terhadap peperangan.

"Saya fikir ia (pendapat mengenai pengharaman peperangan) menyentuh semua orang...ia menyentuh perasaan setiap insan," katanya.

-- BERNAMA

RV MFJ RON